

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA
PEMBUKAAN RASMI BANGUNAN MOCCIS
(MALAY OFFICERS CO-OPERATIVE CREDIT
AND INVESTMENT SOCIETY LTD.) JALAN
MELAKA, KUALA LUMPUR PADA 23^{HB} JUN, 1974

Datuk Abdullah Ayub, Pengerusi MOCCIS, Dif-dif yang hadir,
Saudara-saudara sekalian.

Saya sukacita kerana dapat bersama dengan saudara semua dan seterusnya melakukan pembukaan rasmi Bangunan MOCCIS ini. Seperti kata Pengerusi tadi, rancangan mendirikan bangunan ini telah dibuat dalam tahun enam puluhan lagi, tetapi tidak dapat dilaksanakan pada masa itu kerana sebab-sebab tertentu. Tetapi syukurlah, dengan usaha bersama ahli-ahli MOCCIS dan terbukanya peluang di bawah Dasar Ekonomi Baru Kerajaan, rancangan itu akhirnya menjadi kenyataan. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada ahli-ahli MOCCIS atas kejayaan mendirikan bangunan yang indah ini yang merupakan hasil jimat cermat ahli-ahli MOCCIS dan semangat ingin maju. Saya harap bangunan ini akan mendorong kejayaan yang lebih besar di masa akan datang.

Sebagaimana kita sedia maklum, gerakan Kerjasama atau Koperatif mempunyai peranan yang penting dalam pembangunan negara kita. Aktiviti-aktiviti Koperatif tidak lagi terbatas kepada jimat cermat dan pinjam meminjam wang tetapi telah maju jauh ke depan memasuki lapangan perniagaan, perindustrian, insuran, perubahan dan pengangkutan. Aktiviti-aktiviti ini tentulah berkehendakkan pelaburan yang besar dan Kerajaan telahpun mengadakan berbagai kemudahan menerusi institusi-institusi kewangan untuk membolehkan syarikat-syarikat kerjasama melaksanakan projek-projek ekonominya. Pada masa ini, soal mendapatkan pinjaman modal tidak lagi menjadi masalah; begitu juga tentang melatih pengurus-pengurus dan pekerja-pekerja teknik juga dijalankan oleh Institusi-institusi seperti NPC dan MIM. Langkah yang terbaharu sekali ialah mendapatkan kerjasama antara agensi-agensi Kerajaan dengan pihak Swasta dengan mengadakan pertukaran pegawai bagi mendapatkan pertukaran pengalaman dan kemahiran. Pendek kata, sekarang ini terpulanglah kepada Gerakan Koperatif untuk menggunakan peluang-peluang yang terbuka itu dengan seluas-luasnya.

Saudara-saudara sekalian.

Berhubung dengan tugas-tugas Jabatan Kemajuan Kerjasama, pada masa ini Ordinan Koperatif sedang dikaji semula untuk disesuaikan dengan kemahuan dan cara pembangunan yang terbaharu bagi memesatkan kemajuan Gerakan Koperatif. Langkah ini sangatlah mustahak untuk mempesatkan lagi aktiviti-aktiviti Koperatif yang mempunyai ahli lebih 700,000 orang. Saya puashati dengan beberapa kejayaan Gerakan Kerjasama seperti Kerjasama Perumahan yang mendirikan 8,000 unit rumah kediaman yang bernilai \$250 juta, Syarikat MCIS yang mendirikan hotel taraf antarabangsa dan menjalankan beberapa supermarket, Shamelin, Koperatif Polis dan lain-lain lagi yang menjalankan berbagai jenis enterprise besar dan kecil.

Kerajaan memang sedia memberikan kemudahan-kemudahan kepada Syarikat-syarikat Kerjasama seperti membeli saham dalam perusahaan-perusahaan swasta. Keistimewaan ini diberi khususnya kepada Koperatif Bumiputra supaya membantu perkembangan dan kejayaannya.

MOCCIS adalah satu-satunya Koperatif Bumiputra yang terbesar dan ahli-ahlinya terdiri dari para pegawai yang mempunyai pengalaman dan pengaruh, di samping pendapatan yang lumayan pula. Jadi sudah sewajarnya MOCCIS menjadikan dirinya Syarikat Kerjasama contoh atau model co-operative dengan menjalankan peranan yang lebih aktif di lapangan perniagaan dan perindustrian. Saya fikir pada masa ini MOCCIS mempunyai sumber-sumber kewangan yang cukup dan sungguhpun ahli-ahlinya pegawai Kerajaan, pelaksanaan dan pengurusan projek-projek yang dijalankannya boleh ditugaskan kepada pekerja-pekerja yang bergaji. Dengan penyertaan saudara-saudara di lapangan perniagaan dan perindustrian, ini akan menggalakkan golongan lain-lain menurut jejak langkah yang sama dan kejayaan ini akan menjadi sumbangan yang berkesan terhadap pembangunan Negara.

Saudara-saudara sekalian.

Saya dengan sukacita merasmikan Bangunan MOCCIS yang indah ini dan mendoakan semoga Syarikat ini mendapat kejayaan yang lebih cemerlang di masa akan datang.



Tun Abdul Razak bin Hussein berucap merasmikan Sidang Agung UMNO Ke 25,
di Hotel Hilton, Kuala Lumpur pada 29hb Jun, 1974.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)